

Pelajar UPM raih Anugerah Berend Houwen Travel Award 2015

Serdang: Pelajar Sarjana Sains (Hematologi), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Angeli Ambayya @Ampiah berjaya mengharumkan nama UPM apabila meraih Anugerah Berend Houwen Travel Award 2015.

Beliau adalah antara sembilan penyelidik dari seluruh dunia yang dipilih menerima anugerah berkenaan pada Simposium Antarabangsa bersempena

dengan Persidangan Tahunan International Society of Laboratory Haematology (ISLH) di Chicago, Amerika Syarikat, baru-baru ini.

Angeli, 33, menerima wang tunai RM9,700, sijil, plak dan pendaftaran percuma untuk mengikuti persidangan itu.

Abstrak kajian

Anugerah diberikan berdasarkan kejayaan beliau menghasilkan abstrak kajian penyakit berkaitan

darah iaitu analisis genomik untuk leukemia myeloid akut menggunakan kaedah ‘comparative genomic hybridization (CGH)’ dan ‘single nucleotide polymorphism (SNP)’.

“Sebelum ini, saya menghantar abstrak dua kali iaitu pada tahun 2012 dan 2013 kepada ISLH, sebaliknya hanya terpilih untuk membuat pembentangan hasil kajian.

“Saya bagaimanapun tidak berpuas hati dan

bertekad untuk menghantar abstrak kajian berkenaan tahun ini dan akhirnya terpilih memenangi anugerah itu kali ini,” yang dimaklumkan mengenai kejayaan itu melalui e-mel yang dihantar oleh ISLH.

Angeli menunjukkan **Anugerah Berend Houwen Travel Award 2015** yang dimenangi.

